

Headline	Harapan kepada pesakit HIV		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	01 Oct 2017	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	171,663
Page No	28	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	146 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,289
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,867



Harapan kepada pesakit HIV

PENYAKIT HIV boleh dikatakan tiada ubat dan pesakit hanya menunggu maut. Kini harapan baru muncul untuk pesakit HIV. Para penyelidik telah mencipta antibodi baru yang dapat menyerang 99 peratus strain HIV dan mencegah jangkitannya pada pesakit.

Antibodi ini adalah hasil kerjasama antara Institut Kesihatan Kebangsaan Amerika Syarikat (AS) dengan sebuah syarikat farmasi, Sanofi dan dibantu penyelidik dari Harvard Medical School, The Scripps Research Institute dan Massachusetts Institute of Technology. HIV memang salah satu



virus yang paling sukar untuk dilawan oleh tubuh. Virus ini memiliki kemampuan luar biasa dalam bermutasi dan mengubah keadaannya.

Bagaimanapun setelah beberapa tahun terinfeksi, terdapat pesakit yang mampu menyerang dan meneutralkan virus HIV di dalam diri. Kemampuan ini disebut sebagai *broadly neutralizing antibodies*.

Kajian itu yang diterbitkan dalam

Jurnal Science, memaklumkan penyelidik mengumumkan bahawa kajian mereka berhasil menggabungkan tiga *broadly neutralizing antibodies* sekali gus dan mencipta *tri-antibody specific*.

Jika antibodi semula jadi hanya dapat menasarkankan 90 peratus daripada jenis HIV, antibodi yang telah dicipta oleh para penyelidik ini dapat menasarkankan 99 peratus pemulihan.

“Mereka lebih kuat dan lebih luas dari antibodi semulajadi yang pernah ditemukan selama ini.

“Kita mendapat keberkesanan sebanyak 99 peratus pada kepekatan yang sangat rendah,” ujar Dr. Gary Nabel, ketua petugas semula jadi di Sanofi yang juga salah seorang penulis kajian kepada *BBC News* baru-baru ini.